Menteri Besar, Kedah Darul Aman lwn Usaha Ma'amor Bersatu Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — GUAMAN SIVIL NO 22NCvC-328–12 TAHUN 2012
ABU BAKAR PK
2 OKTOBER 2014

Keterangan — Inferens — Inferens bertentangan di bawah Akta Keterangan 1950 s 114(g) — Bukti pembayaran secara tunai — Kegagalan memanggil saksi penting — Sama ada mewajarkan pengunaan anggapan s 114 (g)

Kontrak — Pelanggaran — Tuntutan bayaran tertunggak — Defendan mempertikaikan tuntutan plaintif — Sama ada wujud hubungan kontrak — Sama ada plaintif berjaya membuktikan tuntutannya — Sama ada tuntutan plaintif dihalang oleh doktrin estopel

Tort — Salah laku awam — Elemen-elemen tort salah laku awam — Sama ada plaintif pegawai awam — Sama ada menjalankan tugas-tugas sebagai pegawai awam — Sama ada defendan berjaya membuktikan salah laku awam oleh plaintif — Sama ada tuntutan balas defendan atas tort salah laku awam dapat dipertahankan

Plaintif telah melantik defendan sebagai kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembalakan dan menjual kayu balak di kawasan Hutan Simpan Gunung Inas dengan harga RM3.2 juta. Defendan telah menjelaskan bayaran sebanyak RM1.6 juta kepada plaintif dan masih terdapat bayaran yang tertunggak sebanyak RM1.6 juta kepada plaintif. Melalui tindakan ini plaintif menuntut terhadap defendan baki bayaran tersebut. Defendan telah mempertikaikan tuntutan plaintif dan telah memfailkan tuntutan balas. Defendan telah menghujahkan bahawa tidak wujud kontrak di antara plaintif dan defendan kerana tiada apa-apa perjanjian ditandatangani. Defendan juga telah memplidkan pembelaan estopel iaitu plaintif tidak pernah menghalang defendan daripada melakukan kerja pembalakan atau menghantar notis untuk memberhentikan kerja pembalakan sekiranya bayaran baki RM1.6 juta tidak dijelaskan sebagaimana didakwa oleh plaintif. Di dalam tuntutan balasnya, defendan menyatakan bahawa plaintif telah melakukan tort salah laku awam (*public misfeasance*) apabila menerima wang RM1.6 juta melalui ejen atau wakilnya, Kedah Corp Bhd (KCB). Isu-isu yang telah diketengahkan dalam kes ini adalah seperti berikut: (i) sama ada plaintif berjaya membuktikan tuntutannya iaitu defendan masih berhutang RM1.6 juta; (ii) sama ada wujud

kontrak antara plaintif dan defendan; (iii) sama ada plaintif dihalang oleh doktrin estopel; dan (iv) sama ada defendan berjaya dalam tuntutan balasnya berdasarkan tort salah laku awam.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos; menolak tuntutan balas defendan:

(1) Plaintif tidak mengetahui pembayaran RM1.6 juta yang kononnya telah dibayar oleh SD1 secara tunai kepada KCB. Defendan gagal mengemukakan apa-apa keterangan yang menunjukkan plaintif menyedari pembayaran RM1.6 juta telah dibuat. Pembayaran RM1.6 juta secara tunai tanpa apa-apa bukti dokumen pembayaran adalah perkara yang tidak dapat diterima. Tambahan pula defendan tidak membangkitkan langsung isu pembayaran RM1.6 juta secara tunai sebaik menerima notis tuntutan plaintif bertarikh 5 Julai 2012. Defendan mengambil masa yang agak lama iaitu dalam penyata pembelaan yang difailkan pada 25 Januari 2013 barulah membangkitkan isu pembayaran secara tunai RM1.6 juta kepada KCB (lihat perenggan 17–18).

(2) Walaupun plaintif dan defendan tidak menandatangani perjanjian secara formal, ianya tidak melepaskan tanggungjawab defendan untuk membayar baki RM1.6 juta kepada plaintif. Defendan telah memasuki kawasan pembalakan dan meneruskan kerja-kerja pembalakan sehingga selesai dan tiada apa-apa halangan atau tegahan daripada plaintif. Lebih-lebih lagi tindak tanduk defendan amat diragui. Defendan menyatakan kontrak tidak wujud tetapi disatu sudut defendan kononnya telah membayar baki RM1.6 juta melalui KCB secara tunai. Ketiadaan tindakan penamatan kontrak oleh defendan bolehlah disimpulkan defendan bersetuju kontrak diwujudkan dan mengikat pihak-pihak (lihat perenggan 23 & 25).

(3) Defendan telah bertindak secara tidak jujur apabila berselindung dengan doktrin estopel bagi melepaskan tanggungannya untuk membayar baki RM1.6 juta. Defendan tidak boleh bergantung kepada doktrin estopel yang menyatakan plaintif tidak menghalang kerja-kerja pembalakan kerana plaintif tidak mengetahui sama ada lesen Jabatan Perhutanan Kedah telah dikeluarkan kepada defendan atau sebaliknya. Plaintif dan Jabatan Perhutanan Kedah merupakan dua buah entiti yang berbeza dan ianya amat tersasar apabila defendan mengandaikan plaintif mempunyai pengetahuan berkaitan pengeluaran lesen pembalakan. Plaintif juga tidak mengetahui adanya pembayaran yang didakwa kepada KCB telah dilakukan oleh SD1 (lihat perenggan 29–30).

(4) Plaintif bukannya pegawai awam (*public officer*) sebaliknya ianya perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Menteri Besar Kedah Darul Aman 1988. Defendan gagal membuktikan salah

laku awam itu dilakukan oleh plaintif dalam menjalankan tugas-tugas sebagai pegawai awam. Tiada keterangan pembayaran RM1.6 juta itu atas arahan atau pengetahuan plaintif. Defendan juga gagal membuktikan plaintif mempunyai pengetahuan pembayaran wang tunai RM1.6 juta itu kepada KCB dilakukan dengan niat jahat bagi menyebabkan kerugian kepada defendan. Defendan langsung tidak mengalami apa-apa kerugian akibat pembayaran RM1.6 juta kepada KCB kerana defendan telahpun menjalankan aktiviti pembalakan sehingga selesai sepenuhnya tanpa apa-apa gangguan atau halangan di pihak plaintif (lihat perenggan 37).

[English summary

The plaintiff had appointed the defendant as the contractor to carry out logging works and selling of timber at Hutan Simpan Gunung Inas at the price of RM3.2m. The defendant had paid RM1.6m to the plaintiff and there was an outstanding sum of RM1.6m owing to the plaintiff. By way of this action, the plaintiff claimed from the defendant, the balance of payment. The defendant disputed the plaintiff's claim and filed a counterclaim. The defendant submitted that there existed no more contract between the plaintiff and the defendant as there was no agreement executed. The defendant also pleaded the defence of estoppel and the plaintiff did not stop the defendant from carrying out logging activities or send a notice to stop logging works if the balance payment of RM1.6m was not paid as alleged by the plaintiff. In its counterclaim, the defendant stated that the plaintiff had committed a tort of public misfeasance in accepting the RM1.6m through an agent or its representative, Kedah Corp Bhd ('KCB'). The issues raised in this case was: (i) whether the plaintiff had succeeded in his claim which was that the defendant still owed RM1.6m; (ii) whether there was a contract between the plaintiff and the defendant; (iii) whether the plaintiff was restricted by the doctrine of estoppel; and (iv) whether the defendant had succeeded in its counterclaim based on the tort of public misfeasance.

Held, allowing the plaintiff's claim with costs; dismissing defendant's counterclaim:

(1) The plaintiff did not know about the payment of RM1.6m which was allegedly paid to SD1 by way of cash to KCB. The defendant failed to adduce any evidence to show that the plaintiff was aware of the payment of RM1.6m being made. The cash payment of RM1.6m made without any documentary evidence was not accepted. Furthermore, the defendant did not raise the issue of the payment of RM1.6m by way of cash after accepting the plaintiff's notice of claim dated 5 Julai 2012. The defendant took quite a long time whereby the statement of defence was filed on 25 January 2013 which was only when the issue of payment of RM1.6m to KCB was raised (see paras 17–18).

(2) Even though the plaintiff and the defendant had not signed any formal agreement, this did not discharge the defendant from the liability to make the payment of the balance of RM1.6m to the plaintiff. The defendant had entered into the logging area and carried out logging works until completion and there was no restriction or prohibition by the plaintiff. Furthermore, the defendant's actions were very doubtful. The defendant stated that the contract had existed but on one hand, the defendant had allegedly paid the balance of RM1.6m to KCB by cash. The non-existence of the termination of contract by the defendant could be concluded as the defendant's agreement to form the contract and to have it bind the parties (see paras 23 & 25).

(3) The defendant had acted dishonestly by hiding behind the doctrine of estoppel to discharge his liability to pay RM1.6m The defendant could not rely on the doctrine of estoppel which states that the plaintiff was not prohibited from carrying out logging works as the plaintiff did not know whether the license of Forestry Department of Kedah was issued to the defendant or otherwise. The plaintiff and the Forestry Department of Kedah were two different entities and the defendant clearly strayed in assuming the plaintiff had the knowledge on the issuance of logging license. The plaintiff did not know whether the payment claimed to have been made to KCB was made by SD1 (see paras 29–30).

(4) The plaintiff was not a public officer but was instead a body established under the Enakmen Perbadanan Menteri Besar Kedah Darul Aman 1988. The defendant failed to prove public misfeasance committed by the plaintiff in carrying out his duties as a public office. There was no evidence that the payment of RM1.6m was by the order and within the knowledge of the plaintiff. The defendant also failed to prove the plaintiff had the knowledge that the payment of RM1.6m to KCB was made with a bad intent, causing loss to the defendant. The defendant did not suffer any losses due to the payment of RM1.6m to KCB as the defendant had carried out logging activities until completion without any interruption or restriction by the plaintiff (see para 37).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai inferens bertentangan di bawah Akta Keterangan 1950 s 114(g), lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2331.

Untuk kes-kes mengenai tuntutan bayaran tertunggak, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013) perenggan 3152-3154.

Kes-kes yang dirujuk

Ayer Molek Company Bhd, The v Abdul Halim Yahya & Co [2013] 5 CLJ 668 (dirujuk)

Boo Are Ngor (p) v Chua Mee Liang (p) (sued as public officer of Kim Leng Tze Temple) [2009] 6 MLJ 145, MP (diikut)

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab Malaysian Merchant Bank Bhd [1995] 3 MLJ 331 (dirujuk)

Ho Kok Cheong Sdn Bhd v Lim Kay Tiong & Ors [1979] 2 MLJ 224, MP (dirujuk)

Murugan v Lew Chu Cheong [1980] 2 MLJ 139; [1980] 1 LNS 49, MP (dirujuk)

Ng Kim Poi (P) & Ors v Pentadbir Tanah Daerah,Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus (Negeri Sembilan Township Sdn Bhd & Anor, proposed intervenors) [2004] 3 MLJ 301, MR (dirujuk)

Riga Sdn Bhd v Awang Sepian Haji Awang Joini & 3 Ors [2005] 1 LNS 251, MT (dirujuk)

Sarawak Building Supplies Sdn Bhd v The Director of Forests & Ors [2009] 9 MLJ 224, MT (dibeza)

Toyo Photo Products Sdn Bhd v Terence Ee Soon Lee [2012] MLJU 35, MT (dirujuk)

Wong Hon Leong David v Noorazman bin Adnan [1995] 3 MLJ 283, MR (dirujuk)

Yong Ung Kai v Enting [1965] 2 MLJ 98 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114 (g)
Akta Syarikat 1965
Enakmen Perbadanan Menteri Besar, Kedah Darul Aman 1988

Nursyahana bt Ismail (Jayadeva & Kamal) bagi pihak plaintif.
Azhana bt Mohd Khairudin (Mohamed Hanipa & Assoc) bagi pihak defendan.

Abu Bakar PK:

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Plaintif ialah sebuah perbadanan yang diperbuat di bawah Enakmen Perbadanan Menteri Besar, Kedah Darul Aman 1988 dan beralamat di Aras 2, Blok A, Wisma Darul Aman, 05503 Alor Setar, Kedah Darul Aman. Defendan merupakan sebuah syarikat sendirian berhad yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 ('Akta 325') dan mempunyai alamat berdaftar di Lot 854 Kampung Simpang Pasir, Jeniang, 08700 Gurun, Kedah dan menjalankan perniagaan di alamat yang sama.

[2] Plaintif melalui surat tawaran bertarikh 7 Mei 2009 (surat tawaran tersebut) (P3A) telah melantik defendan sebagai kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembalakan dan menjual kayu balak di kawasan seluas 200 hektar dalam kawasan Hutan Simpan Gunung Inas yang diperuntukan kepada plaintif.

[3] Defendan pada 26 Mei 2009 telah menjelaskan bayaran sebanyak RM1.6 juta kepada plaintif dan masih terdapat bayaran yang tertunggak sebanyak RM1.6 juta kepada plaintif. Plaintif kemudiannya melalui peguamnya telah mengeluarkan notis tuntutan bertarikh 5 Julai 2012 terhadap defendan supaya menjelaskan baki bayaran RM1.6 juta dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaan notis tersebut. Defendan walaupun menerima notis tuntutan masih gagal dan/atau enggan dan/atau ingkar menjelaskan baki yang terhutang iaitu RM1.6 juta atau sebahagian atau mana-mana bahagian daripada jumlah tuntutan oleh plaintif.

[4] Plaintif kemudiannya memfailkan writ dan penyata tuntutan pada 13 December 2013 (lampiran (1)) terhadap defendan bagi menuntut:

(a) bahawa defendan membayar kepada plaintif wang sejumlah RM1.6 juta sebagi baki bayaran tersebut;

(b) faedah pada apa-apa kadar yang mana mahkamah fikirkan sesuai di atas jumlah RM1.6 juta yang dikira dari tarikh writ sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya;

(c) kos tindakan ini; dan

(d) relif-relif lain dan/atau seterusnya yang mahkamah ini fikirkan perlu dan suai manfaat.

[5] Defendan telah mempertikaikan tuntutan plaintif dan telah memfailkan penyata pembelaan dan tuntutan balas (ms (8) hingga (16) ikatan pliding 'A'). Plaintif juga telah memfailkan jawapan kepada pembelaan dan pembelaan terhadap tuntutan balas (ms (17) hingga (21) ikatan pliding 'A').

[6] Perbicaraan penuh telah diadakan dan diakhir perbicaraan mahkamah ini membenarkan tuntutan plaintif sebagaimana yang diplidkan di perenggan 10(a) penyata tuntutan, kadar faedah 5% setahun mulai tarikh writ difailkan sehingga jumlah penghakiman dijelaskan dan kos. Mahkamah ini selanjutnya menolak tuntutan balas oleh defendan di perenggan 20 penyata pembelaan dengan kos. Mahkamah ini memerintahkan defendan membayar kos RM8,000 kepada plaintif.

[7] Pihak defendan yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

[8] Mahkamah ini telah meneliti penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak dan beberapa isu telah diketengahkan untuk pertimbangan dan keputusan antaranya ialah:

(a) sama ada plaintif berjaya membuktikan tuntutannya iaitu defendan masih berhutang RM1.6 juta;

(b) sama ada wujud kontrak antara plaintif dan defendan;

(c) sama ada plaintif dihalang oleh doktrin estoppel; dan

(d) sama ada defendan berjaya dalam tuntutan balasnya berdasarkan tort salah laku awam (*public misfeasance*).

BAGI ISU (A)

[9] Peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan berdasarkan surat tawaran yang dikeluarkan oleh plaintif bertarikh 7 Mei 2009, defendan bersetuju untuk kerja-kerja pembalakan dan menjual kayu balak dengan harga RM3.2 juta. Defendan telah membayar RM1.6 juta kepada plaintif. Fakta pembayaran ini telahpun disahkan oleh Tunku Azilah bt Tunku Abdul Aziz (SP3) (Esekutif Dalaman & Perakaunan) dalam pernyataan saksinya (10) di soalan dan jawapan no 7 dan 8 sebagaimana berikut:

(7) S: Boleh kamu nyatakan butir bayaran-bayaran tersebut?

J: Bayaran yang diterima ialah bayaran yang dibuat melalui cek PBB No: 001525 berjumlah RM450,000, cek Alliance Bank No 850295 berjumlah RM500,000 dan cek MBB No 005681 berjumlah RM650,000. Wang bayaran tersebut kemudiannya dimasukkan ke dalam akaun Bank Mumalat plaintif.

(8) S: Adakah terdapat surat dikeluarkan sebagai mengakui penerimaan bayaran tersebut?

J: Ada. Surat bertarikh 26 Mei 2009 dikeluarkan kepada defendan memaklumkan bahawa bayaran sebanyak RM1.6 juta tersebut telahpun diterima. Bukti bayaran juga dapat dilihat pada penyata akaun Bank Muamalat bertarikh 31 Mei 2009 di mana jumlah tersebut dimasukkan ke dalam akaun tersebut pada 27 Mei 2009.

[10] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu defendan masih belum menjelaskan baki RM1.6 juta yang menjadi hal perkara tuntutan di hadapan mahkamah sekarang. Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan Mohd Syarani Abdul Jalil (SP1) Eksekutif Perundangan dalam pernyataan saksinya (1) telah mengesahkan bayaran RM1.6 juta dan masih terdapat baki bayaran RM1.6 juta yang belum dibayar oleh defendan. Mahkamah ini juga merujuk keterangan Asmawati bt Abdul Rahman (SP2) merupakan Eksekutif Pentadbiran dan Hal Ehwal Tanah telah mengesahkan bayaran baki RM1.6 juta belum dijelaskan.

[11] Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan Md Idrus bin Mat Rasat @ Hamid (SD2) yang hadir ke mahkamah dikatakan sebagai wakil syarikat defendan. SD2 dikatakan telah membayar RM1.6 juta pada 26 Mei 2009 kepada plaintif. Fakta pembayaran ini tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak. Sebaliknya SD2 dalam keterangannya telah menyatakan baki RM1.6 juta juga telahpun dijelaskan secara tunai melalui Encik Akashah bin Ismail selaku Pengarah Urusan, Kedah Corp Bhd (KCB) di sebuah pejabat di Jalan Kota, Alor Setar, Kedah.

[12] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu keterangan SD2 perlu diteliti dengan berhati-hati terutamanya berkaitan keterangan yang kononnya baki bayaran RM 1.6 juta telahpun dijelaskan melalui KCB secara tunai. SD1 hadir memberi keterangan di mahkamah kononnya sebagai wakil syarikat defendan. SD1 telah membayar RM50,000 kepada defendan sebagai 'Ali Baba' kerana menggunakan lesen balak. SD1 tiada sebarang jawatan dalam syarikat defendan dan tiada sebarang surat wakil syarikat dikemukakan ke mahkamah. Mahkamah ini bersetuju kehadiran SD1 ke mahkamah bukannya dalam kapasiti defendan sebaliknya sebagai saksi kes defendan.

[13] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu keterangan SD1 berkaitan pembayaran RM1.6 juta secara tunai perlu diterima dengan berhati-hati. SD2 bergantung kepada bukti penyediaan Banker's cheque Alliance Bank berjumlah RM800,000 (D2) yang dikatakan cek ini telah ditunaikan dan ditambah dengan wang tunai lainnya berjumlah RM800,000 untuk menjadikan jumlah RM1.6 juta. SD1 dalam keterangannya menyatakan bayaran tunai RM1.6 juta telah dibuat kepada Encik Akashah bin Ismail, Pengarah Urusan KCB. SD1 telah menyatakan telah berjumpa mantan Menteri Besar (pada ketika itu) dan telah diarahkan untuk membuat pembayaran secara tunai. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar SD1 nampaknya cuba mengaitkan dengan mantan Menteri Besar berkaitan pembayaran secara tunai di mana

Menteri Besar tersebut telahpun meninggal dunia. Mahkamah ini bersetuju tiada keterangan lainnya selain D2 yang kononnya dikatakan bukti pembayaran RM1.6 juta secara tunai.

[14] Mahkamah ini berpendapat tiada keterangan SD1 telah menunaikan cek D2 dan mengemukakan slip pengeluaran wang tunai RM800,000 yang didakwa dijadikan bukti pembayaran secara tunai kepada KCB. Mahkamah ini juga telah menimbangkan keterangan SD1 yang menyatakan semasa pembayaran dilakukan Encik Akashah daripada KCB dan pemandu SD1 hadir bersama. Mahkamah ini berpendapat kegagalan memanggil saksi penting iaitu Encik Akashah daripada KCB dan pemandu SD1 yang dikatakan menyaksikan penyerahan wang tunai RM1.6 juta membolehkan anggapan di bawah s 114 (g) Akta Keterangan 1950 (Akta itu) terpakai. Mahkamah ini merujuk kes *The Ayer Molek Company Bhd v Abdul Halim Yahya & Co* [2013] 5 CLJ 668 di ms 670 menyatakan:

> (6) Mahkamah telah mengenakan inferens bertentangan ke atas defendan atas kegagalannya memanggil Ismail kerana keterangan beliau tidak akan memihak kepada defendan. Tanpa keterangan daripada Ismail, defendan telah gagal untuk membuktikan bahawa arahan yang mereka perolehi sebenarnya adalah daripada Ismail, (perenggan 75, 78 & 79).

[15] Mahkamah ini berpendapat kegagalan memanggil Encik Akhasah dan pemandu SD1 memberi keterangan sewajarnya anggapan s 114 (g) Akta itu terpakai terhadap defendan. Mahkamah ini berpendapat keterangan saksi ini penting terutamanya bagi menyokong keterangan lisan SD1 berkaitan pembayaran wang tunai RM1.6 juta yang menjadi pokok pertikaian di hadapan mahkamah sekarang. Mahkamah ini juga berpendapat defendan tidak memberikan penjelasan mengapa Encik Akashah dan pemandu SD1 tidak dapat dikesan bagi mengelakkan anggapan di bawah s 114 (g) Akta itu terpakai. Mahkamah ini merujuk kes *Murugan v Lew Chu Cheong* [1980] 2 MLJ 139; [1980] 1 LNS 49 yang menyatakan:

> Lastly, I was asked to draw an adverse inference under s 114(g) Evidence Act, 1950 against the motorist from the failure to call his travel companion as his witness. His explanation was that he did not know her address. This explanation was unchallenged and must therefore be accepted as sufficient to prevent the raising of the inference.

[16] Mahkamah ini juga bersetuju terdapat percanggahan keterangan SD1 berkaitan pembayaran wang tunai yang digunakan untuk pelaburan di Papua New Guinea dengan pernyataan saksi SD1 yang menyatakan tidak tahu mengapa bayaran RM1.6 juta dibayar kepada KCB. Mahkamah ini menimbangkan percanggahan ini dengan keterangan SD1 secara keseluruhannya dan mahkamah ini berpendapat defendan gagal mengemukakan sebarang keterangan yang menyokong dakwaannya bayaran RM 1.6 juta telah dibayar kepada plaintif.

[17] Mahkamah ini juga berpendapat plaintif tidak mengetahui pembayaran RM1.6 juta yang kononnya telah dibayar oleh SD1 secara tunai kepada KCB. Defendan gagal mengemukakan sebarang keterangan yang menunjukkan plaintif menyedari pembayaran RM1.6 juta telah dibuat.

[18] Mahkamah ini juga telah menimbangkan fakta iaitu defendan telah menerima notis tuntutan bertarikh 5 Julai 2012 yang dikeluarkan oleh peguam plaintif. Defendan tidak membangkitkan langsung isu pembayaran RM1.6 juta secara tunai sebaik menerima notis tuntutan plaintif. Defendan mengambil masa yang agak lama apabila dalam penyata pembelaan yang difailkan pada 25 Januari 2013 barulah membangkitkan isu pembayaran secara tunai RM1.6 juta kepada KCB. Mahkamah ini merujuk kes *Toyo Photo Products Sdn Bhd v Terence Ee Soon Lee* [2012] MLJU 35 yang menggarap isu yang sama iaitu kegagalan pihak defendan untuk membangkitkan pembelaannya seawal mungkin selepas notis tuntutan diserahkan sebagaimana berikut:

> In fact there was no evidence from any contemporaneous documents that the CtTrendsetter machine delivered was one 'on loan' and the first time this was raised in writing was in the *Defendant's Defence* and Counterclaim dated 6 June 2007. If indeed it was agreed at that meeting in Bangsar that the cheque of RM355,000 was to be cancelled which the Defendant did on 9 January 2006 and that the balance RM180,000 was only to be paid when the machine had been delivered, why then did the Defendant remain silent when the Plaintiffs solicitors Letter of Demand was served on the Defendant on 26 April 2006? The Letter of Demand had demanded for the payment of the balance purchase price of RM180,000. It is hardly the conduct of a reasonable man who wants this Court to believe that that was the oral arrangement and understanding entered into. Further it does not make sense to pay another RM175,000 making a total of RM425,000 only for the delivery of a used machine of a display or demo type which is only 'on loan'.

[19] Peguam defendan yang terpelajar telah menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *Yong Ung Kai v Enting* [1965] 2 MLJ 98 di mana amalan biasa untuk mendapatkan lesen pembalakan dan segala kebenaran diperlukan bagi membolehkan pembalakan dilakukan. Peguam defendan yang terpelajar telah menghujahkan SD1 yang terlibat 16 tahun dalam kerja-kerja pembalakan menyatakan amalan biasa membayar secara tunai dalam industri pembalakan.

Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam defendan yang terpelajar berkaitan pembayaran secara tunai sebagaimana yang berlaku di hadapan mahkamah sekarang. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu agak diragui amalan biasa yang kononnya membayar secara tunai. Bayaran dalam kes dihadapan mahkamah kepada pihak ketiga iaitu KCB dan ianya diluar pengetahuan plaintif. Pembayaran RM1.6 juta secara tunai tanpa apa-apa bukti dokumen pembayaran adalah perkara yang tidak dapat diterima oleh mahkamah ini.

[20] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat plaintif telah membuktikan tuntutannya atas imbangan kebarangkalian iaitu RM1.6 juta belum dijelaskan oleh defendan.

BAGI ISU (B)

[21] Peguam defendan yang terpelajar telah menghujahkan tidak wujud kontrak antara plaintif dan defendan kerana tiada sebarang perjanjian ditandatangani sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 8 surat tawaran bertarikh 7 Mei 2009. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan perenggan 8 surat tawaran yang menyatakan seperti berikut:

> 8 Selepas pembayaran dibuat satu perjanjian akan dimeterai dengan pihak tuan bagi memastikan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dipatuhi. (Dilampirkan syarat-syarat tawaran membalak bagi Hutan Simpan Kekal sebagai Lampiran A).

[22] Peguam defendan yang terpelajar menghujahkan jika wujud sekalipun ianya suatu kontrak yang bersyarat (*conditional contract*) dan boleh dibatalkan.

[23] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguam defendan yang terpelajar iaitu walaupun plaintif dan defendan tidak menandatangani perjanjian secara formal, ianya tidak melepaskan tanggungjawab defendan untuk membayar baki RM1.6 juta kepada plaintif. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu kontrak antara plaintif dan defendan tidak terbatal. Defendan telah memasuki kawasan pembalakan dan meneruskan kerja-kerja pembalakan sehingga selesai dan tiada sebarang halangan atau tegahan daripada plaintif. Keterangan SP1, SP2 dan SP3 secara jelasnya menyokong fakta ini.

[24] Mahkamah ini bersetuju dengan nas yang dirujuk oleh peguam plaintif yang terpelajar iaitu *Ho Kok Cheong Sdn Bhd v Lim Kay Tiong & Ors* [1979] 2 MLJ 224 yang menyatakan:

> The fact that a 'condition' is a term of contract does not make it a conditional contract.

[25] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu tindak tanduk defendan amat meragui. Defendan menyatakan kontrak tidak wujud tetapi disatu sudut defendan kononnya telah membayar baki RM1.6 juta melalui KCB secara tunai. Mahkamah ini bersetuju ketiadaan tindakan penamatan kontrak oleh defendan bolehlah disimpulkan defendan bersetuju kontrak diwujudkan dan mengikat pihak-pihak.

BAGI ISU (C)

[26] Peguam defendan yang terpelajar telah menghujahkan tuntutan plaintif telah dihalang oleh doktrin estopel. Pihak defendan dalam pernyataan pembelaan pindaan defendan (ikatan dokumen 'b'– ms (7) hingga (9)) telah memperincikan butirannya sebagaimana di perenggan 12A a hingga d. Secara ringkasnya pembelaan estopel yang diplidkan oleh defendan ialah plaintif tidak pernah menghalang defendan daripada melakukan kerja pembalakan atau menghantar notis untuk memberhentikan kerja pembalakan sekiranya bayaran baki RM1.6 juta tidak dijelaskan sebagaimana didakwa oleh plaintif.

[27] Peguam defendan yang terpelajar telah merujuk kes *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331 yang memperjelaskan doktrin estopel sebagaimana berikut:

> We would add that it is wrong to apply the maxim 'estoppel Mei be used as a shield but not a sword' as limiting the availability of the doctrine to defendants alone. Plaintiffs too Mei have recourse to it. The true nature of the doctrine in this context is that stated by Lord Russell of Killowen in *Dawsons Bank v Nippon Menkwa Kabushiki Kaisha* LR 62 I A 100 at p 108:
>
> > Estoppel is not a cause of action. It Mei (if established) assist a plaintiff in enforcing a cause of action by preventing a defendant from denying the existence of some fact essential to establish the cause of action, or (to put it in another way) by preventing a defendant from asserting the existence of some fact the existence of which would destroy the cause of action.

It is also wrong to think that the doctrine is confined to cases where a representation of fact has been made or where a party has been encouraged by another to believe in the existence or in the non-existence of a fact. The decisions of the Privy Council in *Sarat Chunder Dey and the Calgary Milling Co* (among others) to which we have referred earlier concerned cases involving representations not of fact but of law.

The width of the doctrine has been summed up by Lord Denning in the *Amalgamated Investment case* [1982] 1 QB 84at p 122; [1981] 3 All ER 577at p 584; [1981] 3 WLR 565 at p 575 as follows:

> The doctrine of estoppel is one of the most flexible and useful in the armoury of the law. But it has become overloaded with cases. That is why I have not gone through them all in this judgment. It has evolved during the last 150 years in a sequence of separate developments: proprietary estoppel, estoppel by representation of fact, estoppel by acquiescence, and promissory estoppel. At the same time it has been sought to be limited by a series of maxims: estoppel is only a rule of evidence, estoppel cannot give rise to a cause of action, estoppel cannot do away with the need for consideration, and so forth. All these can now be seen to merge into one general principle shorn of limitations. *When the parties to a transaction proceed on the basis of an underlying assumption – either of fact or of law – whether due to misrepresentation or mistake makes no difference – on which they have conducted the dealings between them – neither of them will be allowed to go back on that assumption when it would be unfair or unjust to allow him to do so. If one of them does seek to go back on it, the courts will give the other such remedy as the equity of the case demands.* (Emphasis added.)

[28] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan pembelaan estopel merupakan jalan singkat untuk melepaskan tanggungan defendan daripada membayar baki RM1.6 juta kepada plaintif. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu pembelaan estopel yang disandarkan oleh defendan tidak terpakai. Mahkamah ini bersetuju dengan prinsip yang diputuskan dalam kes *Boo Are Ngor (p) v Chua Mee Liang (p) (sued as public officer of Kim Leng Tze Temple)* [2009] 6 MLJ 145 yang memutuskan antara lainnya 'doctrine of estoppel is an equitable doctrine which could only be invoked by a party who comes to court with clean hands'.

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iatu defendan telah bertindak secara tidak jujur apabila berselindung dengan doktrin estopel bagi melepaskan tanggungannya untuk membayar baki RM1.6 juta. Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan saksi-saksi plaintif yang menyatakan tidak mengetahui bilakah lesen Jabatan Perhutanan Kedah diberikan kepada defendan. Plaintif tidak mempunyai pengetahuan bilakah ianya dikeluarkan kepada defendan. Defendan sepanjang perbicaraan melalui SD1 tidak mengemukakan keterangan sama ada plaintif tahu bilakah lesen tersebut dikeluarkan.

[30] Mahkamah ini berpendapat defendan tidak boleh bergantung kepada doktrin estopel yang menyatakan plaintif tidak menghalang kerja-kerja pembalakan kerana plaintif tidak mengetahui sama ada lesen Jabatan Perhutanan Kedah telah dikeluarkan kepada defendan atau sebaliknya. Plaintif dan Jabatan Perhutanan Kedah merupakan dua buah entiti yang berbeza dan ianya amat tersasar apabila defendan mengandaikan plaintif mempunyai pengetahuan berkaitan pengeluaran lesen pembalakan. Plaintif juga tidak mengetahui adanya pembayaran yang didakwa kepada KCB telah dilakukan oleh SD1.

[31] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat doktrin estopel tidak terpakai terhadap plaintif dan defendan masih bertanggungan membayar RM1.6 juta.

BAGI ISU (D)

[32] Mahkamah ini akan menyentuh tuntutan balas yang difailkan oleh defendan iaitu plaintif kononnya telah melakukan tort salah laku awam (*public misfeasance*) apabila menerima wang RM1.6 juta melalui agen atau wakilnya KCB. Defendan dalam tuntutan balasnya telah menutut wang RM1.6 juta , ganti rugi am, ganti rugi tauladan, ganti rugi melampau dan kos. Peguam defendan yang terpelajar telah menghujahkan plaintif secara tidak sah dan dengan pengetahuan penuh melalui KCB meminta defendan membayar RM1.6 juta kepada KCB. Perbuatan plaintif ini kononnya terjumlah kepada tort salah laku awam (*public misfeasance*). Mahkamah ini telah dirujuk kes *Sarawak Building Supplies Sdn Bhd v The Director of Forests & Ors* [2009] 9 MLJ 224 sebagai nas sandarannya.

[33] Sebaliknya peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan tuntutan balas oleh defendan gagal kerana pembayaran RM1.6 juta sebagaimana yang didakwa oleh defendan gagal dibuktikan.

[34] Mahkamah ini berpendapat elok dijenguk seketika perkembangan tort salah laku awam ini yang diwarisi daripada undang-undang British sebagaimana diterangkan dalam buku teks karya 'Clerk & Lindsell on Torts (20th Ed para 14-102, Sweet & Maxwell) the tort of misfeasance in public office has its origin in 'the electoral corruption cases of the late seventeenth century' and was 'expanded in the nineteenth century to cover the liability of judges of inferior courts for malicious acts within their jurisdiction'.

[35] Kewujudan undang-undang British ini diterima oleh mahkamah Malaysia dan isu ini pernah digarap oleh YA Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) dalam penghakiman minoritinya dalam kes *Ng Kim Poi (P) & Ors v Pentadbir Tanah Daerah, Negeri Sembilan* [2004] 3 MLJ 301, sebagaimana berikut:

> As for the common law, if the appellants are to recover damages in a case as the present, their remedy lies in what Lord Diplock in *Dunlop v Woollahra Municipal Council* [1982] AC 158 described as 'the well-established tort of misfeasance by a public officer in the discharge of his public duties'.

[36] Mahkamah ini mendapat suluhan cahaya yang terang daripada penghakiman yang diberikan oleh YA Lau Bee Lan H dalam kes *Riga Sdn Bhd v Awang Sepian Haji Awang Joini & 3 Ors* [2005] 1 LNS 251 di mana beliau telah menyimpulkan elemen-elemen tort salah laku awam sebagaimana berikut:

> (a) the defendant must be a public officer;
>
> (b) the loss to the plaintiff must have been caused by the exercise of power by the defendant as a public officer; and
>
> (c) the act of the public officer must fall either in the targeted malice limb of misfeasance where he acts with intent to harm the plaintiff or the illegality limb of misfeasance where he knows that the act is unlawful and that it will probably injure the plaintiff.

[37] Berbekalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam kes *Riga Sdn Bhd*, mahkamah ini akan menimbangkan sama ada tuntutan balas oleh defendan atas tort salah laku awam dapat dipertahankan. Mahkamah ini berpendapat plaintif bukannya 'a public officer' sebaliknya ianya perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Menteri Besar, Kedah Darul Aman 1988. Defendan gagal membuktikan salah laku awam itu dilakukan oleh plaintif dalam menjalankan tugas-tugas sebagai pegawai awam. Mahkamah ini berpendapat tiada keterangan pembayaran RM1.6 juta itu atas arahan atau pengetahuan plaintif. Pihak defendan gagal membuktikan plaintif mempunyai pengetahuan pembayaran wang tunai RM1.6 juta itu kepada KCB dilakukan dengan niat jahat bagi menyebabkan kerugian kepada defendan. Mahkamah ini berpendapat defendan langsung tidak mengalami apa-apa kerugian akibat pembayaran RM1.6 juta kepada KCB kerana pihak defendan telahpun menjalankan aktiviti pembalakan sehingga selesai sepenuhnya tanpa apa-apa gangguan atau halangan di pihak plaintif.

[38] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu dakwaan pihak SD1 wang RM1.6 juta digunakan untuk pelaburan di Papua New Guinea adalah penyataan kosong semata-mata. Mahkamah ini bersetuju Laporan Ketua Audit Negara (D14) yang menyatakan projek pembalakan di Papua New Guinea mengalami kerugian ianya gagal dibuktikan ada kaitannya dengan pembalakan Gunung Inas. Mahkamah ini juga berpendapat defendan langsung tidak melaporkan kononnya penerimaan wang RM1.6 juta secara salah kepada pihak berwajib iaitu pihak polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Mahkamah ini merujuk kes *Wong Hon Leong David v Noorazman bin Adnan* [1995] 3 MLJ 283 yang menyentuh kegagalan melaporkan kepada pihak polis dikesempatan yang awal sebagaimana berikut:

> We entirely agree with the approach of the learned judge to the weight to be given to the failure of the appellant to timeously lodge a report with the police. Further, an examination of the conduct of the appellant after the commencement of the litigation, his failure to raise this matter at the earliest opportunity in his first affidavit, and producing it, as a conjurer does, like a rabbit out of a hat, leaves us in no doubt, as it did the learned judge, that the tale was an afterthought, the machinations of a desperate litigant trying every trick in the book to escape judgment being entered against him.

[39] Mahkamah ini berpendapat tindakan defendan yang berdiam diri walaupun kononnya pembayaran wang RM1.6 juta kepada KCB ada kaitan dengan penyalahgunaan wang sehingga menyebabkan kerugian projek di Papua New Guinea jelas ianya tersasar daripada landasan yang betul. Mahkamah ini berpendapat defendan gagal membuktikan tuntutan balasnya termasuk dalam ruang lingkup tort salah laku awam yang digariskan dalam kes *Riga Sdn Bhd*.

[40] Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Sarawak Building Supplies Sdn Bhd* fakta kesnya berbeza dengan kes di hadapan mahkamah sekarang. Dalam kes *Sarawak Building Supplies Sdn Bhd* iainya melibatkan pembatalan lesen pembalakkan oleh pegawai awam iaitu Pengarah Perhutanan yang terjumlah dalam salah laku awam. Sebaliknya dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ianya tidak melibatkan pegawai awam. Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menolak tuntutan balas yang difailkan oleh defendan dengan kos.

A *Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos; tuntutan balas defendan ditolak.*

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

B

C

D

E

F

G

H

I